

menghasilkan t-shirt menggunakan lukisan beliau.

**JOSHUA ISMAIL FITTON**

**HAZRIANSYAH KAMALSHA**  
www.kotakhitam.com.my

Orkut memuat koleksi Girde, beralian datang ke festival ini dan menyokong industri pakaian tempatan.

**AFIF ANDREE AHMAD RADZI**

**NENG Nazirah Makseri, (tengah)** bergambar bersama pemenang tempat kedua dan ketiga dalam pertandingan Putra Idol di UPM, Serdang.



# Nazirah juara Putra Idol UPM

**S**ELEPAS mempesonakan panel juri dan penonton dengan persembahan vokal yang unik, penuntut program ijazah pendidikan di Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul juara pertandingan nyanyian Putra Idol.

Dalam pertandingan yang berlangsung pada 23 Mei lalu, Neng Nazirah Makseri, 20, menewaskan kira-kira 100 peserta selepas lagu nyanyiannya, *Warwick Avenue* (Duffy) dan *Situasi* (Bunkface) dipilih sebagai juara.

Putra Idol merupakan persembahan realiti nyanyian yang disertai kakitangan dan pelajar UPM dalam usaha universiti itu mencungkil bakat baru dalam bidang

nyanyian.

Pertandingan itu dianjurkan Jabatan Muzik, Fakulti Ekologi Manusia, Pejabat Pemasaran & Komunikasi (MarComm), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) serta Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah UPM.

Kemenangan penuntut tahun pertama itu diraih hasil daripada keputusan yang dibuat oleh bekas juri Akademi Fantasia, Datuk Ramli MS, tenaga pengajar Malaysian Idol, Juita Suwito dan Ketua Pengajian Vokal UPM, Ang Mei Foong.

Putra Idol turut dihadiri Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Dr. Zaid Ahmad dan

Ketua Jabatan Muzik, Dr. Joanne Yeoh.

Dalam pada itu, Ramli MS memuji penganjuran Putra Idol dalam usaha UPM mencungkil bakat-bakat muda daripada kalangan warga kampus.

"Di universiti, mereka hanya belajar asas-asas nyanyian, didedahkan dengan penggunaan instrumen dan diberikan tunjuk ajar.

"Di dalam pertandingan seperti ini, kita boleh melihat sejauh mana bakat dan kreativiti mereka dimaksimumkan," katanya.

Sementara itu, Neng Nazirah yang merupakan anak kelahiran Nilai, Negeri Sembilan berkata, kejayaannya dalam

Putra Idol adalah 'kemenangan segera'. Ini kerana katanya, beliau tidak pernah menyertai pertandingan nyanyian seumpama itu sebelumnya.

"Walaupun kebolehan saya dalam bidang nyanyian diberikan pengiktirafan, namun saya tidak akan mengabaikan pelajaran. Ini kerana impian saya adalah untuk menjadi seorang pendidik.

"Saya mahu menjadi seorang pensyarah bahasa Inggeris. Bidang nyanyian hanya sebahagian daripada minat," ujarnya.

Dengan kemenangan itu, Neng Nazirah membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM1,500. - AMIRUL